

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2017

KERATAN AKHBAR

40

KUALA LANGAT . SEPANG

Jakoa mahu Pantai Cunang, Tanjung Sepat jadi pantai santai tradisi

SEPANG - Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) mengharapkan Pantai Cunang, Tanjung Sepat menjadi pantai santai tradisi dan pantai proses pembelajaran dan penghijauan hutan paya bakau di samping meningkatkan ekonomi penduduk setempat dan dana Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JKKKOA).

Pegawai Jakoa Kuala Langat, Jantan Awang berkata, Pantai Cunang Kampung Tanjung Sepat mempunyai sebuah pantai yang cantik dan berkonsepkan hutan paya bakau.

Menurutnya, Pantai Cunang dikendalikan JKKKOA Tanjung Sepat dengan kebenaran dan kerjasama Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan Lembaga Urus

Air Selangor (Luas) selain menjadi pantai angkat MDKL dan Luas apabila menjadi Johan Pertandingan Pantai Negeri Selangor 2015.

"Dengan kemudahan yang dirancang oleh JKKKOA dengan kerjasama Jakoa dan MDKL akan menjadikan Pantai Cunang sebuah pantai yang menarik untuk dikunjungi," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jakoa Malaysia, Jamalludin Kasbi yang turut hadir pada Program Jom Ngeteh di Pantai Cunang berpuas hati dengan sokongan masyarakat setempat.

Menurutnya, beliau turut menyokong usaha menceriakan pantai di samping peluang jana ekonomi penduduk setempat terutama komuniti Orang Asli di sini.



Jamalludin (kanan) turut hadir dalam Program Ngeteh yang diadakan di Pantai Cunang.